

Kuala Lumpur: Individu yang terbabit dalam aktiviti kesukarelawan mempunyai sikap suka membantu dan prososial yang tinggi.

Pakar Psikologi Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Hanina Hamsan berkata, kelebihan itu menyebabkan individu ini sanggup berkorban untuk aktiviti kesukarelawan yang dilakukannya.

Menurutnya, antara ciri-ciri individu prososial ialah mempunyai sifat empati (memahami perasaan dan emosi orang lain), autistik (ringan tangan) serta tidak berkira.

“Dalam konteks psikologi, tidak ramai memiliki ciri itu (empati, autistik dan tidak berkira) secara semula jadi.

Prososial sebati dalam diri sukarelawan

“Namun, ciri-ciri ini boleh dipupuk daripada peringkat awal sama ada di rumah atau sekolah melalui program kesukarelawan,”katanya.

Beliau berkata, dua beradik aktif dalam aktiviti kemanusiaan iaitu Muhammad Nadir Al-Nuri Kamaruzaman dan adiknya Ahmad Musa Al-Nuwayri dilihat memiliki personaliti tersendiri dan tingkah laku prososial tinggi, ia mungkin terbentuk hasil daripada hubungan sosialisasi keluarganya yang begitu baik.

“Sejak kecil mereka dididik untuk membantu orang lain dan ianya berterusan

apabila dewasa.

“Mereka juga memberikan bantuan menggunakan saluran yang betul dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dinaunginya sah mendaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan (RoS),”katanya.

Dr Hanina berkata, bagi anak muda yang ingin berjajak-jajak dalam aktiviti kemanusiaan dinasihatkan supaya berhati-hati dan mencari maklumat menggunakan saluran betul.

“Kita tidak mahu ada golongan yang semangatnya mengatasi ilmu pengetahuan, akhirnya tersilap

langkah dan terbabit dalam kegiatan ekstremis.

“Kita bimbang jika ada remaja yang secara tiba-tiba terbabit dalam aktiviti sebegini, bukan kerana semangat kesukarelawan tetapi lebih kepada mencari jalan singkat untuk ke syurga, dengan cara difikirkannya iaitu mencari syahid”

“Perlu berhati-hati kerana mencari syahid, tingkah laku prososial dan kesukarelawan itu adalah perkara yang berbeza,”katanya.

Dr Hanina berkata, berdasarkan kajian ekstremisme yang dilakukannya mendapati individu mempunyai

sejarah kelakuan antisosial mudah terpengaruh dengan kegiatan ekstremis.

“Ini kerana mereka tersedar melakukan banyak dosa dan jalan pintas untuk bertaubat dan masuk syurga adalah mati syahid,” katanya.

“
Tidak ramai
memiliki ciri itu
(empati, autistik
dan tidak berkira)
secara semula jadi

Dr Hanina

